


Oleh Presiden
Henry B. Eyring
Penasihat Pertama dalam
Presidensi Utama



Bersenjatakan Kesolehan

Nabi Tuhan di dunia, Presiden Thomas S. Monson, telah menyatakan, “Hari ini, kita berkhemah menentang pelbagai jenis dosa, maksiat dan kejahatan yang pernah dikumpulkan di hadapan mata kita.”¹

Adakah anda akan terkejut mengetahui bahawa Presiden Monson menutur perkataan-perkataan itu 50 tahun dahulu? Jika kita berkhemah menentang pelbagai jenis kejahatan dahulu, berapa banyak lagi kejahatan menggugat kita hari ini? Untuk sebab yang baik, Tuhan telah mengisytiharkan tentang zaman keagamaan kita, “Lihatlah, musuh bergabung” (A&P 38:12).

Peperangan di mana “kita terpadu”² bermula sebelum kita dilahirkan di dunia. Ia bermula sebelum dunia dicipta. Ia bermula beberapa ribu tahun dahulu di pra-fana, di mana Setan memberontak dan “berupaya untuk menghancurkan hak pilihan manusia” (Musa 4:3).

Setan kalah dalam peperangan itu dan “di usir keluar kepada dunia” (Wahyu 12:9), di mana dia menyambung peperangannya hari ini. Di dunia “dia memicu perang terhadap para orang suci Tuhan, dan mengepung di sekitar mereka” (A&P 76:29) dengan penipuan, kekeliruan dan godaan.

Dia berperang menentang nabi dan rasul. Dia berperang menentang hukum kemurnian ahklak dan kesucian perkahwinan. Dia berperang menentang keluarga dan bait suci. Dia berperang menentang apa yang baik, kudus, dan suci.

Bagaimana kita berperang dengan musuh sebegini? Bagaimana kita lawan kejahatan yang nampaknya menyelubungi dunia kita? Apakah perisai kita? Siapa sekutu kita?

Kuasa Anak Domba

Nabi Joseph Smith mengajar bahawa Setan mempunyai kuasa ke atas kita hanya pada kadar yang kita benarkan dia.³

Melihat zaman kita, Nefi “nampak kuasa Anak Domba Tuhan, bahawa ia turun ke atas orang suci gereja Anak Domba, dan ke atas umat perjanjian Tuhan, yang telah diceraikan-beraikan ke seluruh permukaan bumi; dan *mereka disenjatai dengan kesolehan dan dengan kuasa Tuhan dalam kemuliaan yang agung*” (1 Nefi 14:14; penekanan ditambah).

Bagaimana kita boleh bersenjatakan diri kita dengan kesolehan dan kuasa? Kita menguduskan hari Sabat dan menghormati imam. Kita membuat dan menyimpan perjanjian kudus, membuat sejarah keluarga, dan menghadiri bait suci. Kita berusaha secara berterusan untuk bertaubat dan mengaku kepada Tuhan untuk “kenakanlah darah korban tebusan Kristus agar kami boleh menerima pengampunan akan dosa-dosa kami” (Mosia 4:2). Kita berdoa dan melayani dan bersaksi dan beriman kepada Yesus Kristus.

Kita juga bersenjatakan diri kita dengan kesolehan dan kuasa apabila kita “simpanlah baik-baik dalam fikiranmu secara berkelanjutan firman kehidupan” (A&P 84:85). Kita menyimpan perkataan itu dengan keasyikan kita dalam kitab suci dan dalam ayat daripada hamba pilihan Tuhan, yang akan berkongsi firman, fikiran dan suara-Nya (lihat A&P 68:4) semasa persidangan umum bulan depan.

Dalam peperangan kita menentang kejahatan, kita harus sentiasa ingat bahawa kita mempunyai pertolongan

daripada kedua-dua bahagian tirai. Sekutu kita termasuk, Tuhan Bapa yang Abadi, Tuhan Yesus Kristus, dan Roh Kudus.

Sekutu kita juga termasuk tentera syurga yang tidak terlihat. “Janganlah takut,” Elisa memberitahu lelaki muda yang takut apabila mereka berdepan tentera kejahatan “yang di pihak kita lebih banyak daripada yang di pihak mereka” (lihat 2 Raja-Raja 6:15-16).

Kita tidak perlu takut. Tuhan menyayangi para orang Suci-Nya. Dia tidak akan meninggalkan kita.

Saya mengetahui bahawa Tuhan, dalam jawapan kepada doa, telah memenuhi permintaan saya untuk membebaskan saya daripada kejahatan. Saya bersaksi bahawa dengan pertolongan Tuhan Bapa, Juruselamat dunia, dan Roh Kudus, kita boleh yakin bahawa kita akan di beri kuasa lebih daripada yang di perlukan untuk menahan apa sahaja kuasa kejahatan yang kita hadapi.

Semoga kita selalu bersenjatakan kesolehan supaya kita mempunyai keyakinan dalam kemenangan yang muktamad.

NOTA

1. Thomas S. Monson, “Correlation Brings Blessings,” *Majalah Lembaga Pertolongan*, Apr. 1967, 247.
2. “Kita Terpadu,” *Lagu Rohani* no.119
3. Lihat *Teachings of Presidents of the Church: Joseph Smith* (2007), 214.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Eyring mengingatkan kita bahawa kita sedang berperang menentang kejahatan. Anda boleh bermula dengan menyanyikan “Kita Terpadu” *Lagu Rohani* no.119) dengan mereka yang anda ajar. Kemudian anda boleh menjemput mereka untuk berkongsi bagaimana mereka dilindungi melalui kesolehan dan bincangkan cara untuk melindungi keluarga mereka daripada Setan, seperti memilih media yang sihat, mempunyai majlis keluarga, atau mempunyai malam keluarga setiap minggu. Anda boleh mencabar mereka untuk merenung dan berdoa cara untuk membina pertahanan keluarga mereka dan menggalakkan mereka untuk mencipta pelan untuk melaksanakan idea mereka.

REMAJA

Saya Sudah Membuat Keputusan Oleh Madison Thompson

Saya pernah menerima satu pengajaran yang berharga di dalam kelas Remaja Puteri—satu topik yang membuat banyak remaja menggeliang-geliut di tempat duduk mereka. Saya tidak mengingati semua yang saya belajar pada hari itu, tetapi saya ingat pemimpin saya bercakap tentang piawaian peribadi dia—untuk sentiasa suci secara seksual. Perkataannya sentiasa bersama saya, dan saya membuat keputusan yang sedar untuk menerima pakai ia sebagai nilai peribadi saya.

Pada satu hari selepas satu acara sukan saya dalam perjalanan pulang di dalam sebuah bas, seseorang dalam bas telah memulakan permainan kebenaran atau cabaran. Oleh kerana bosan, beberapa budak-budak dan saya bermain sekali. Apabila tiba giliran saya, saya dicabar untuk melakukan sesuatu yang saya tahu adalah salah. Ini mungkin boleh menjadi pilihan yang susah untuk saya, tetapi perkataan pemimpin Remaja Puteri saya datang kepada saya, dan pilihannya adalah mudah. Saya menolak dengan cepat. Saya sudah membuat keputusan tentang apa yang saya akan lakukan dalam situasi sebegini.

Saya tahu bahawa apabila kita ke Gereja dan membuat tempat untuk perkara yang kita diajar di sana, kita akan diberkati dengan lebih kekuatan rohani dan perlindungan daripada godaan dunia.

Pengarang ini dari Utah, Amerika Syarikat.

KANAK-KANAK

Pakai Perisai Anda

Terdapat banyak perkara jahat di dunia hari ini. Injil adalah perisai yang melindungi kita. Baca 10 perkara yang Presiden Eyring suruh kita lakukan untuk melindungi diri. Kemudian lukis dan warnakan perisai anda sendiri!

1. Menguduskan hari Sabat
2. Menghormati imamat
3. Membuat dan menyimpan perjanjian
4. Membuat sejarah keluarga
5. Pergi ke bait suci
6. Bertaubat
7. Berdoa
8. Melayani orang lain
9. Kongsikan kesaksian anda
10. Membaca tulisan suci



Kuasa Yesus Kristus yang Membolehkan dan Korban Tebusan-Nya

Kaji bahan pengajaran ini dengan berdoa dan cari inspirasi untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimana dengan memahami tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan para puteri Tuhan untuk berkat kehidupan abadi?

Iman, Keluarga, Pertolongan

“Dengan kuasa yang diberikan oleh Kristus, aku berdaya menghadapi segala macam keadaan” (Filipi 4:13). “Walaupun kita semua mempunyai kelemahan, kita boleh mengatasinya,” kata Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama. “Sesungguhnya adalah dengan rahmat Tuhan bahawa jika kita merendahkan hati dan beriman, hal-hal yang lemah boleh menjadi kuat.”¹

Juruselamat kita berkata dalam Ajaran dan Perjanjian, “Aku akan pergi di hadapan mukamu. Aku akan berada pada sisi kananmu dan pada sisi kirimu, dan Roh-Ku akan berada dalam hatimu, dan para malaikat-Ku di sekitarmu, untuk menopangmu” (A&P 84:88).

“Nefi adalah contoh seseorang yang tahu, faham, dan bergantung pada kuasa membolehkan Juruselamat,” kata Elder David A.

Bednar dari Kuorum Dua Belas Rasul. “Abang-abang Nefi mengikatnya dengan tali dan merancang kemusnahan dia. Sila ambil perhatian kepada doa Nefi: ‘Ya Tuhan, menurut imanku kepada-Mu, sudikah Engkau melepaskan aku dari tangan saudara-saudaraku; ya, *bahkan memberi aku kekuatan agar aku dapat memutuskan ikatan ini dengan mana aku diikat.*’ (1 Nefi 7:17; penekanan ditambah).

“... Nefi tidak berdoa supaya keadaan dia di ubah. Tetapi, dia berdoa untuk kekuatan menukar keadaan dia. Dan saya percaya dia berdoa dalam cara ini secara tepat kerana dia tahu, faham dan mempunyai pengalaman kuasa Korban Tebusan yang membolehkan.

“Saya tidak rasa bahawa ikatan dengan mana Nefi diikat telah jatuh secara magis daripada tangan daripada dan pergelangan tangannya. Tetapi, Saya mengesyaki bahawa

dia diberkati dengan kegigihan dan kekuatan peribadi melebihi kapasiti semula jadinya, yang dia kemudian ‘dalam kekuatan Tuhan’ (Mosia 9:17) memulas dan menarik tali itu, dan akhirnya dan secara harafiah dapat memutuskan tali tersebut.”²

Tulisan suci dan Maklumat Tambahan

Yesaya 41:10 Eter 12:27
reliefsociety.lds.org

NOTA

1. Dieter F. Uchtdorf, “Kurniaan Rahmat” *Liahona*, Mei 2015, 108.
2. David A. Bednar, “Strength beyond Our Own,” *New Era*, Mar. 2015, 4.

Pertimbangkan Ini

Bagaimana kuasa Yesus Kristus yang membolehkan dan korban tebusan-Nya menolong kelemahan kita menjadi kuat?